

Penduduk gagalkan cubaan curi besi pengadang

BATU CAVES -

Jawatankuasa Persatuan Penduduk Indian Settlement dekat sini berjaya menggagalkan satu percubaan mencuri besi pengadang milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di kampung berkenaan Selasa lalu.

Kejadian yang berlaku kira-kira jam 10.30 malam itu dipercayai didalangi oleh tiga lelaki, namun hanya seorang daripada penjenayah itu berjaya diberkas ketika cuba membawa lari enam besi pengadang yang belum dipasang oleh pihak JPS.

Seorang saksi yang enggan disiarkan namanya berkata, ketika kejadian dia melihat tiga lelaki asyik meletakkan beberapa besi pengadang di atas sebuah lori.

"Ketika kejadian saya melihat kelibat tiga lelaki dalam keadaan mencurigakan mengangkut sesuatu ke dalam sebuah



Penduduk kampung melihat lima besi pengadang yang cuba dilarikan tiga lelaki Selasa lalu.

lori. Setelah saya periksa saya dapati mereka cuba mengambil besi pengadang milik JPS yang belum dipasang.

"Kemudian saya memanggil beberapa penduduk kampung untuk membantu memberkas ketiga-tiga lelaki terbabit namun hanya seorang sahaja berjaya ditangkap manakala dua lagi berjaya melarikan diri," katanya.

Katanya lagi, selepas disoal siasat dan diberi amaran akhirnya jawatankuasa persatuan melepaskan suspek terbabit.

Sinar Harian difahamkan ketiga-tiga suspek terbabit sanggup menyewa sebuah lori untuk mengangkat besi-besi tersebut

dan dipercayai untuk dijual kepada peniaga barangan lusuh.

Tambah seorang penduduk yang juga enggan dikenali, kejadian ini sebenarnya di dikatakan berpunca daripada kecuaihan pihak kontraktor yang dilantik JPS sendiri yang meletakkan besi pengadang yang belum dipasangkan di tempat terbuka sehingga mendorong kejadian curi tersebut.